## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 5 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PERMINTAAN BERAS TEMPATAN DIJANGKA NAIK 60 PERATUS, DLM NEGERI, UM-9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | SOROK PUNCA BERAS 'HILANG' DI PASARAN? , DLM NEGERI, UM-9 | |
| 3. | BERAS IMPORT 'TIRUAN' SUKAR DIBUKTIKAN, DLM NEGERI, UM-9 | |
| 4. | JUAL BERAS IMPORT 10KG RM60, LOKAL, HM-7 | |
| 5. | BERI AMARAN PEMANIPULASI BEKALAN BERAS TEMPATAN, LOKAL, HM-7 | |
| 6. | TRANSFORMASI SEGERA TARIK PESAWAH DARIPADA KEMISKINAN BERGANDA, RENCANA, BH-12 | |
| 7. | 'KARTEL KECIL' TETAPKAN KOMISEN, KUASAI PASARAN, NASIONAL, BH-3 | |
| 8. | HARGA BERAS IMPORT DI KUCHING NAIK MENDADAK, NASIONAL, BH-3 | |
| 9. | BELIAN PADI DI KILANG MEROSOT 30 PERATUS DALAM SEDEKAD, UM, MUKA DEPAN | |
| 10. | BELIAN PADI DI KILANG MEROSOT 30 PERATUS DALAM SEDEKAD, DLM NEGERI, UM-2 | |
| 11. | HARGA BERAS IMPORT NAIK LEBIH RM5, NEGARA, KOSMO-7 | |
| 12. | KPKDN TERIMA 47 ADUAN BERAS TEMPATAN CAMPUR IMPORT, NEGARA, KOSMO-7 | |
| 13. | PECAH MONOPOLI BERNAS, NASIONAL, SH-21 | |
| 14. | KARTEL DALANGI KENAIKAN HARGA BERAS-PPBMM, NASIONAL, SH-21 | |
| 15. | KPDN TERIMA 47 ADUAN BERKAITAN BERAS, NASIONAL, SH-21 | |
| 16. | OPEN UP MORE AGRICULTURAL LAND, SAYS RICE ASSOCIATION, NEWS STAR METRO, THE STAR-4 | |
| 17. | KPDN RECEIVED 47 REPORTS RELATED TO RICE, NATION, KWONG WAH YIT POH-A16 | |
| 18. | BROKEN RICE SUPPLY SHORTAGE, NATION, CHINA PRESS-A4 | |
| 19. | HARD TO FIND PROOF FOR SALE OF MIXTURE OF LOCAL AND IMPORTED RICE, NATION, CHINA PRESS-A4 | |
| 20. | IMPORTED RICE PRICE INCREASE TO STIMULATE DEMAND FOR LOCAL RICE, NATION, CHINA PRESS-A4 | |
| 21. | ACT AGAINST THOSE REPACKAGING LOCAL RICE AND SELL AS IMPORTED RICE, NATION, CHINA PRESS-A1, A4 | |
| 22. | HARGA IMPORT NAIK: PERMINTAAN BERAS PUTIH TEMPATAN MENINGKAT, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES-3 | |
| 23. | LABELLING LOCAL RICE AS IMPORTED ONE IS AN OFFENCE PUNISHABLE BY IMPRISONMENT FOR THREE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A4 | |
| 24. | PRICE OF RICE VERMICELLI UP 20PCT FROM TODAY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A1, A4 | |
| 25. | KENAIKAN HARGA BERAS IMPORT: PERMINTAAN BERAS PUTIH TEMPATAN MENINGKAT, NEWS, SABAH NEWS-10 | |
| 26. | PRICE OF VERMICELLI GOES UP 20 PCT, , NATION, SIN CHEW DAILY-7 | |
| 27. | BEKALAN TELUR KELANTAN KURANG SEJAK 3 BULAN LALU, LOKAL, HM-7 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 28. | BEKALAN TELUR AYAM DI PANTAI TIMUR KURANG, NASIONAL, BH-3 | |
| 29. | PESAWAH RUGI PADI TERENDAM AIR, NEGERI, SH-27 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 30. | MASALAH PENGAIRAN PUNCA PADI ANGIN, DLM NEGERI, UM-33 | LAIN-LAIN |
| 31. | MEMUKAT DALAM GELAP CURI HASIL LAUT, DLM NEGERI, UM-32 | |
| 32. | PADDY 'WATCH' KAWAL PENGELUARAN PADI NEGARA, PENDIDIKAN, UM-25 | |
| 33. | PERSUADE MORE YOUNG PEOPLE TO GET INTO AGRICULTURE, LETTERS, NST-18 | |
| 34. | CALL FOR EXPANSION OF BLACK GINGER FARMING, BUSINESS, NEWS STRAITS TIMES-21 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Permintaan beras tempatan dijangka naik 60 peratus

Oleh ZAID MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Permintaan beras tempatan dijangka meningkat lebih 60 peratus selepas kenaikan harga beras putih import sejak 1 September lalu.

Pengguna yang menggunakan beras import kini memilih beras tempatan selepas kenaikan harga beras import tersebut.

Ketua Pegawai Operasi, Al-Amin Barakoh Sdn. Bhd., Mohd. Khairul Nizam Mohd. Rozali berkata, syarikat itu bersedia menambah bekalan beras jenama Beras Ganu sehingga 68 peratus selepas kenaikan beras import.

Menurut beliau, pengguna akan memilih beras tempatan kerana murah.

"Pihak syarikat mengeluarkan beras jenama Beras Ganu sebanyak 60 tan metrik sejak beroperasi Julai lalu.

"Bagaimanapun, jumlah pengeluaran beras meningkat sehingga 68 peratus bagi memenuhi permintaan di pasaran selepas ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Semalam, Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) mengumumkan kenaikan harga beras putih import daripada RM2,350 kepada RM3,200 bagi setiap tan metrik bermula pada Jumaat.

Mohd. Khairul Nizam berkata, pada masa ini, syarikatnya menjual Beras Ganu pada harga RM12.90 bagi setiap beg lima kilogram (kg) dan RM26.60 (10kg).

Tinjauan mendapati kebanyakan peniaga tidak menaikkan harga beras import apabila dijual antara RM15.90 (5 kg) hingga RM49 (10 kg) mengikut jenama.

Sementara itu, seorang pengguna, Fatimah Hassan, 46,, berkata, dia selama ini menggunakan beras tempatan dan kenaikan beras import tidak menjejaskan perbelanjaannya.

Bagaimanapun, katanya, dia mengharapkan kerajaan tidak menaikkan harga beras tempatan.

"Kebanyakan beras tempatan yang dijual di pasaran tetap berkualiti iaitu hampir sama beras import," ujarnya.



MOHD. Khairul Nizam Mohd. Rozali menunjukkan Beras Ganu yang dijual di premisnya di Losong, Kuala Terengganu semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Sorok punca beras 'hilang' di pasaran?

**ALOR SETAR**: 'Kehilangan' beras tempatan di pasaran ketika ini didakwa tidak mustahil berpunca daripada ketamakan kilang-kilang besar yang cuba memonopoli industri berkenaan bagi meraih keuntungan berlipat kali ganda.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Termizi Yop berkata, antaranya mungkin pengilang-pengilang besar sedang 'menahan' stok masing-masing, bagi mendesak kerajaan menaikkan harga beras tempatan seperti beras import.

Bagaimanapun, beliau memuji ketegasan kerajaan yang mengekalkan harga beras serendah RM2.60 sekilogram iaitu terendah di rantau ini.

"Kilang-kilang besar ini sanggup beli padi pada harga lebih tinggi daripada petani dengan bantuan broker.

"Jika kerajaan tawarkan harga RM1,200 untuk setiap tan, kilang-kilang menawarkan harga lebih tinggi selain membayar upah broker untuk mempengaruhi petani menjual padi kepada mereka.

"Tindakan mereka ini 'membunuh' kilang-kilang kecil terutamanya diusahakan orang Melayu kerana tidak dapat bersaing untuk membeli stok padi. Namun dalam masa sama, kilang-kilang besar juga perlu tampung kos tinggi bagi memonopoli pembelian padi itu," katanya ketika dihubungi.

Oleh itu, kata Mohamad Termizi, cara terbaik menampung kos itu dengan mendesak kerajaan menaikkan harga beras tempatan.

"Maka apabila harga beras import meningkat akibat faktor global, mereka anggap inilah masa terbaik untuk desak kerajaan naikkan harga beras tempatan dan disebabkan itu mungkin ada antara mereka bertindak mengurangkan pengeluaran sebagai taktik mendesak kerajaan berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, masalah itu diyakini dapat diselesaikan sedikit masa lagi berdasarkan langkah intervensi kerajaan selain persetujuan dinyatakan pengilang kepada pihak kementerian sebelum ini untuk menambah 20 peratus kuota bagi meningkatkan bekalan beras.

"Kerajaan perlu bertegas tidak tunduk kepada desakan kerana subsidi sudah cukup banyak untuk mengekalkan harga beras iaitu mencecah 60 peratus. Subsidi itu pula bukannya diperoleh pesawah sebaliknya dapat terus kepada kilang dan disebabkan itu, tiada sebab untuk kerajaan tunduk kepada desakan pengilang-pengilang besar " katanya.

Semalam, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, tindakan penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan beras tempatan tidak dimanipulasi sebagai beras import atau disorok.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Beras import 'tiruan' sukar dibuktikan

**KULIM:** Beras import 'tiruan' hasil dicampurkan dengan beras tempatan sukar diambil tindakan kerana perkara itu tidak mudah dibuktikan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut menerima satu aduan berkaitan aktiviti itu menerusi Op Jamin yang dikuatkuasakan sejak 7 Julai lalu.

Namun beliau berkata, tidak ada bukti nyata boleh dikemukakan pihak terbabit untuk tindakan selanjutnya di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730).

"Tiada cara untuk membuktikan melainkan kita boleh mendapatkan bukti bahawa aktiviti sedemikian benar-benar wujud. Jika ia berlaku, kita perlu buktikan di mana ia berlaku.

"Sebagai contoh, di bawah Akta Perihal Dagangan kita boleh mengambil tindakan terhadap seseorang yang menjual beg tangan Gucci tiruan pada harga asal.

"Itu mudah untuk dibuktikan tetapi beras yang dicampur bukanlah sesuatu yang mudah untuk kita buktikan," kata beliau pada program Inisiatif Payung Rahmah bersama SJ Circle Sdn. Bhd. di sini semalam.

Sementara itu, Fuziah berkata, sebanyak 47 aduan berkaitan bekalan beras di seluruh negara diterima pihaknya sepanjang Op Jamin sehingga kelmarin.

Peringkat pengilang, pemborong dan peruncit," katanya.

Beliau juga berkata, semua perkara berhubung penyelewengan harga dan bekalan beras di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) yang terletak di bawah bidang kuasa KPKM.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |

# Jual beras import 10kg RM60

**Kuching:** Harga beras import di jual di bandar raya ini didapati naik mendadak sehingga ada yang mencecah hampir RM60 bagi paket 10 kilogram (kg).

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit mendapati, beras wangi jenama 'Liansin Butterfly' kini dijual pada harga RM54.99 bagi paket 10kg, berbanding RM44 sebelum ini.

Beras Liansin jenama Royal Chrysanthemum pula kini dijual pada harga RM55.50 manakala beras wangi jenama Happy Rice Thai Royal Fragrant naik kepada RM57.99.

Seorang peniaga kedai runcit berkata, pembekal memaklumkan harga beras import kini dinaikkan RM1 sekilogram.

"Pemborong kata mereka tidak boleh mengelak untuk menaikkan harga kepada peruncit kerana harga di peringkat import juga semakin naik.

*Pemborong kata mereka tidak boleh mengelak untuk menaikkan harga kepada peruncit kerana harga di peringkat import juga semakin naik"*

**Peniaga**

"Memang ada pengguna yang marah dan menyalahkan peruncit apabila harga beras meningkat, tetapi kami tidak boleh berbuat apa-apa kerana harga yang ditetapkan pemborong juga membebankan kami," katanya yang enggan dikenali.

Tinjauan turut mendapati, orang ramai mengambil kesempatan membeli beras tempatan dalam kuantiti besar yang dijual di pasar raya pada harga istimewa RM27.90 bagi paket 10kg.

Sementara itu, peniaga kedai makan turut membayangkan bahawa kenaikan harga makanan juga tidak dapat dielakkan.

"Kalau harga beras sudah naik, mahu tidak mahu peniaga makanan juga tentunya terpaksa menaikkan harga jualan.

"Bukan setakat harga beras yang naik, banyak lagi barangan lain semuanya harga semakin mahal," kata seorang peniaga gerai makanan di sebuah pasar raya di Batu Kawa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |

# Beri amaran pemanipulasi bekalan beras tempatan

**Kuala Lumpur:** Individu atau syarikat dalam rantaian bekalan beras putih tempatan yang dikenal pasti memanipulasi bekalan barangan itu boleh dikenakan tindakan perundangan mengikut Akta Perihal Dagangan 2001 (Akta 703).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata, golongan berkenaan perlu sentiasa mematuhi perundangan ditetapkan bagi mengelakkan sebarang tindakan diambil ke atas mereka.

"Pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama boleh didakwa mengikut Seksyen 5 Akta 730 yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000, penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi orang perseorangan jika sabit kesalahan.

"Seksyen berkenaan turut memperuntukkan hukuman denda sehingga RM250,000 bagi syarikat jika sabit kesalahan sama," katanya dalam satu kenyataan.

Fuziah berkata, penguat kuasa kementeriannya dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras (KPB) sudah melancarkan Op Jamin khusus bagi menangani isu berbangkit membabitkan bekalan beras di negara ini.

Katanya, kerjasama bersepadu itu bertujuan meningkatkan kapasiti penguatkuasaan dan pemantauan di seluruh negara bagi memastikan pengguna sentiasa mendapat keterjaminan bekalan beras mencukupi dengan harga stabil serta terkawal.

Beliau berkata, Op Jamin juga berperanan untuk mengenal pasti keseluruhan rantaian bekalan pengedaran beras di semua peringkat pemborong hingga peruncit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/9/2023 | BERITA HARIAN | RENCANA | 12 |

# Transformasi segera tarik pesawah daripada kemiskinan berganda

- Tiga faktor utama menyebabkan pesawah miskin, iaitu produktiviti dan inovasi rendah; kos pengeluaran tinggi serta struktur industri mengekang mobiliti mereka
- Dalam jangka terdekat, polisi intervensi mendalam perlu dirombak ke arah pemerkasaan petani, persaingan dan kelestarian sektor



Felo Perunding, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

**Menggusarkan** sekian lama sektor padi disulami intervensi demi intervensi, subsidi demi subsidi, namun 90 peratus pesawah tergolong dalam B40, mengikut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada 2019. Hakikat pahit harus kita telan - jika petani tidak mencapai sara diri, mana mungkin negara mencapai sara diri.

Pesawah ialah tonggak pengeluaran padi negara. Juga, pengeluaran beras adalah pengangka dalam persamaan nisbah tahap sara diri (SSL) yang mana penyebutnya adalah penggunaan. Tempang pengeluaran, sara diri beras turut pincang kerana penggunaan terus meningkat.

Merungkai masalah ini secara konsep adalah mudah. Tiga faktor utama menyebabkan pesawah miskin, iaitu pertama, produktiviti dan inovasi rendah; kedua, kos pengeluaran tinggi serta ketiga, struktur industri mengekang mobiliti mereka.

Justeru, penyelesaian tersirat ada dalam ketiga-tiganya.

Hasil padi rendah, menurun daripada purata 4.5 tan per hektar pada 2008 kepada 3.6 tan per hektar pada 2021. Ia bukan variasi jangka pendek, tetapi trend mula menurun lebih sedekad.

Faktor penentu; inovasi terbatas ke atas varieti kalis ancaman bencana, penyakit, perubahan cuaca dan amalan persawahan di bawah optimum.

Faktor luaran seperti cuaca dan kejutan memang di luar pegangan pesawah, tetapi malangnya, pengurusan input sawah, iaitu baja, benih dan air juga di luar kawalan mereka. Ini kerana sering berlaku ketidakserentakan air, benih padi dan baja.

Baja contohnya, jeda kelewatan adalah 20 hingga 200 hari mengikut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 dan mutu baja bermasalah, satu formula untuk semua jenis tanah. Bekalan benih bermasalah dari segi kualiti dan kelewatan.

Petani jauh ketinggalan dari segi teknologi pengeluaran berbanding negara jiran kerana khidmat dan mutu pengembangan ketinggalan zaman.

Kos pengeluaran tinggi disebabkan pergantungan kepada baja, kimia, mesin dan peralatan dan buruh diimport. Apabila mengimport, negara juga mengimport inflasi - terbukti dalam era pandemik, hingga harga baja meningkat 200 peratus.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta peruntukan atau pelaburan minimum untuk membangunkan pengeluaran baja, mesin tuai dan peranti tempatan. Walhal Malaysia kaya dengan buangan makanan dan biojisim.

Isu struktur pasaran juga genting kerana ekosistem mencengkam peluang ekonomi petani. Ini kerana setiap tahap rantaian bekalan, pasaran adalah terpusat, iaitu wujud sebilangan kecil peniaga memiliki syer pasaran besar antara mereka:

- Pemusatan agihan baja dan input di bawah satu agensi, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) selama lima dekad;
- Terdapat hanya 12 pembekal benih.
- Bilangan pengilang menurun kepada 170 berbanding hampir 2,000 dalam 1970-an.
- Bilangan pemilik jentera tuai kecil.
- Usaha sama BERNAS dan kilang dalam pembelian padi (dengan syer pasaran beras 35 peratus).
- Monopoli beras (syer 30 peratus).

## Mangsa manipulasi peniaga, pengilang

Nyata, petani dipagari agensi dan pemain industri bermodal besar serta berkuasa dari segi syer pasaran lantas membina benteng tinggi menghalang kemasukan petani dan peserta baharu.

Dalam kompleksiti padi dan beras, petani hanya penerima harga sahaja, tanpa sebarang kuasa runding. Lantas, mudah menjadi mangsa kepada manipulasi peniaga dan pengilang.

Pengalaman membuktikan struktur pasaran terpusat dan monopoli menyekat persaingan serta agihan keuntungan memihak kepada mereka berbanding pengeluar.

Malah *Rent-Seeking Index* untuk industri beras dianggarkan 1.82, iaitu setiap RM1 peniaga menerima keuntungan 82 sen tanpa bekerja.

Transformasi struktur terpimpin diperlukan, iaitu liberalisasi sektor memperkasakan petani sebagai usahawan padi produktif dan dinamik.

Dalam jangka pendek, beberapa langkah pemerkasaan kapasiti pengeluaran adalah satu kemestian. Ini memerlukan perubahan struktur pada semua tahap rantaian.

Premis utama pendekatan ini adalah membuka peluang kepada pesawah supaya mobiliti mereka terbuka, menegak dan mendatar. Mobiliti menegak bererti terbabit dengan kegiatan nilai tambah atau hiliran seperti pemprosesan dan menjual beras. Mobiliti mendatar bererti peluang meluaskan sawah, pelbagaian tanaman dan perusahaan.

Pemusatan agihan input menghindar pertumbuhan pengeluaran input tempatan dan kemasukan peserta baharu seperti petani, usahawan muda dan swasta. Ia juga dicemari masalah ketidakcekapan,tata kelola dan korupsi.

Strategi yang akan mengubah nasib mereka dengan pantas adalah peralatan dan mesin kecil membolehkan mereka berniaga. Contohnya, kerajaan boleh menyediakan geran untuk pesawah membeli peralatan menyediakan benih supaya petani berpengalaman membekal benih, lantas meningkatkan persaingan, pendapatan dan daya keusahawanan.



Pada masa sama, beberapa sokongan lain diperlukan.

Cukai import ke atas mesin dan jentera pertanian, termasuk mesin tuai kecil dihapuskan. Geran atau pinjaman murah atau subsidi sementara disediakan untuk membolehkan pesawah menggunakannya di sawah mereka.

Contohnya, mesin tuai padi kecil lebih cekap berbanding mesin tuai gandum semasa besar dari Belanda berusia lebih 20 tahun. Mesin tuai ini menyebabkan kadar tumpahan padi di sawah 20 peratus berbanding 5 peratus dengan mesin kecil.

Geran atau subsidi sementara untuk membolehkan petani dan koperasi membeli kilang beras bersaiz kecil untuk membuka peluang petani terbabit dalam kegiatan nilai tambah.

Geran menggalakkan pemula pertanian untuk menyediakan platform dan aplikasi digital untuk aktiviti pengagihan benih, baja, pengeluaran dan pemasaran. Masalah ketirisan, manipulasi pasaran diminimumkan melalui teknologi ini.

Menggantikan sistem subsidi input semasa kepada subsidi output. Subsidi input digantikan dengan bayaran subsidi output dengan nilainya merangkumi nilai subsidi input.

Faedah sistem ini antaranya memberi peluang kepada petani membuat keputusan terbaik untuk sawahnya, lantas menjimatkan kos dan meningkatkan keuntungan.

Kedua, meminimumkan kos agihan baja berpusat kerana pesawah boleh membeli terus baja sendiri, manakala ketiga, meminimumkan masalah tadbir urus dan keempat, menggalakkan pertumbuhan baja tempatan dan kemasukan usahawan baharu termasuk petani dalam sektor ini.

Kerajaan perlu memperuntukkan bajet untuk R&D pembangunan input tempatan. Juga untuk membangunkan Pusat Pengembangan Pertanian di universiti dan di Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan.

Mewujudkan bajet pembangunan koperasi pertanian. Koperasi adalah wahana terbaik untuk petani dan pesawah memperbaiki kedudukan ekonomi melalui usaha kolektif.

Dengan koperasi, mereka berpotensi menjual secara pukal, berniaga dan mengumpul modal untuk faedah anggota. Bilangan minimum anggota diturunkan kepada 25 orang (sebelum ini 50 orang).

Di negara Eropah, New Zealand, Australia, Jepun, Korea, Taiwan, India dan Amerika Syarikat (AS), koperasi berperanan penting untuk membantu petani, tetapi tidak di Malaysia.

Ini kerana ramai tidak memahami konsep sebenar koperasi dan menganggap koperasi sebagai *investor-owned company*. Salah tanggapan ini perlu diperbaiki.

Tanpa transformasi di atas, kemiskinan akan berganda lantas mendesak petani keluar ke sektor memberi kehidupan lebih menjaminkan. Dalam jangka terdekat, polisi intervensi mendalam perlu dirombak ke arah pemerkasaan petani, persaingan dan kelestarian sektor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# 'Kartel kecil' tetapkan komisen, kuasai pasaran

## Orang tengah beroperasi bentuk rangkaian kawal bekalan padi negara

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya RM100 bagi setiap tan padi basah. Itu jumlah komisen ditetapkan 'orang tengah' yang didakwa memiliki kawalan ke atas hampir 95 peratus penghasilan padi di negara ini.

Malah, nilai komisen itu dikatakan mampu melonjak sehingga RM200 setiap tan, bergantung kepada musim tanaman, jumlah penghasilan padi dan faktor permintaan dalam rantaian bekalan barangan berkenaan.

Mendedahkan perkara itu, Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef Md Radzi, mendakwa golongan terbabit beroperasi secara individu namun rantaian kumpulan itu membentuk 'kartel kecil' yang mengawal bekalan padi negara.

Tanpa memperincikan identiti orang tengah, beliau mendakwa, ada segelintir pihak terbabit memiliki kawalan ke atas kira-kira 2,000 relung sawah di utara Semenanjung.

Keadaan itu, katanya, turut mengakibatkan lonjakan kos, sekurang-kurangnya antara lima hingga 10 peratus ke atas pihak pengilang beras, yang seterusnya akan 'dipindahkan' ke blok lain dalam rantaian bekalan pengedaran beras.

"Hampir keseluruhan pesawah di negara ini terikat dengan orang tengah ini dan hanya lima peratus yang mungkin tidak berada dalam cengkaman mereka.



*Musonnef Md Radzi*

"Golongan terbabit memiliki kuasa mutlak menentukan pengilang yang boleh membeli bekalan padi basah dituai setiap musim tanaman, bergantung kepada nilai komisen dipersetujui kedua-dua pihak.

"Orang tengah boleh menikmati untung 'atas angin' bernilai RM1 juta jika pihak pengilang membeli 10,000 tan padi basah daripada mereka," katanya kepada *BH*.

Media sebelum ini, melaporkan penguasaan kartel di semua peringkat berkaitan penanaman padi bermula dari membajak, baja, benih, racun, potongan dan timbangan padi.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, dipetik berkata keadaan itu adalah punca industri padi dan beras di negeri itu terus statik dan ia menjadi rungutan pelbagai pihak, terutama golongan pesawah, setiap tahun.

Namun, katanya, sehingga kini tiada pihak yang sanggup memerangi kartel yang didakwa mengawal input pertanian, timbangan padi di kilang serta jentera dan mesin pembajak digunakan pesawah.

### Pesawah tiada kuasa

Musonnef berkata, pengaruh orang tengah dalam mengawal penghasilan padi dikatakan berlaku apabila pesawah tidak memiliki kuasa untuk memasarkan hasil mereka, selain didorong faktor tidak memiliki jentera mencukupi.

Selain itu, katanya, orang tengah didakwa menawarkan pinjaman pemula kepada pesawah bagi setiap musim tanaman, dikatakan bertujuan memperluaskan kawalan ke atas hasil serta kumpulan berkenaan.

"Sebab itu banyak pesawah dan persatuan berkaitan kurang bersetuju jika ada sebarang kenaikan harga membabitkan padi atau beras diberikan kerajaan, selagi isu orang tengah tidak dibanteras.

"Ini kerana, hasil daripada kenaikan berkenaan tidak dinikmati sepenuhnya pesawah atau golongan sasar, sebaliknya ia hanya menguntungkan orang tengah," katanya.

Sementara itu, Musonnef berkata, tindakan segelintir pihak menukar bungkusan bekalan beras putih tempatan kepada kampit beras import dikatakan berlarutan sejak tahun lalu.

"Tindakan terbabit akibat peningkatan harga padi pada peringkat pengilang lagi, berpunca akibat kekurangan bekalan susulan penyusutan jumlah penghasilan padi selama tiga musim berturut-turut. Manipulasi ini dapat dilihat dengan jelas apabila terdapat lambakan beras import di pasar raya, terutama ketika berlaku peningkatan harga barangan berkenaan.

"Kebanyakan mereka berbuat demikian kerana tidak mampu menampung lonjakan kos mencecah RM3,400 setiap tan pada peringkat pemborong.

"Peningkatan ini menyebabkan mereka akan mengalami kerugian, jika barangan berkenaan dijual sebagai beras putih tempatan yang harga dikawal pada RM26 bagi 10kg," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Harga beras import di Kuching naik mendadak

**Kuching:** Harga beras import di pasaran sekitar bandar raya ini naik mendadak sehingga ada yang mencecah hampir RM60 bagi paket 10 kilogram (kg).

Tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit mendapati, beras wangi jenama Liansin Butterfly kini naik RM54.99 bagi paket 10kg berbanding kira-kira RM44 sebelum ini.

Beras Liansin jenama Royal Chrysanthemum pula kini dijual RM55.50, manakala beras wangi jenama Happy Rice Thai Royal Fragrant pula naik sehingga RM57.99 bagi berat yang sama.

Peniaga kedai runcit yang enggan dikenali berkata, pembekal memaklumkan harga beras import kini dinaikkan RM1 bagi setiap kilogram, manakala pemborong menjelaskan tidak boleh mengelak menaikkan harga kepada peruncit kerana harga pada peringkat import juga naik.

Tinjauan turut mendapati orang ramai mengambil kesempatan membeli beras tempatan dalam kuantiti banyak yang dijual di pasar raya pada harga istimewa RM27.90 bagi paket 10kg.

Sementara itu, peniaga kedai makan turut membayangkan kenaikan harga makanan juga tidak dapat dielakkan.

"Jika harga beras naik, kami peniaga makanan juga terpaksa menaikkan harga jualan.

Bukan setakat harga beras yang naik, banyak lagi barang lain semuanya semakin mahal pada masa ini," kata seorang peniaga gerai makanan di sebuah pasar raya di Batu Kawa.

Di **Jerantut**, pengguna di sekitar kawasan FELDA di daerah itu, resah susulan bekalan minyak masak peket dan beras yang dilihat menyusut di pasaran hingga menyukarkan mereka mendapatkan bekalan itu sejak dua minggu lalu.

Peniaga mendakwa bekalan mula terputus kerana tidak dihantar pemborong luar sejak dua minggu lalu, menyebabkan mereka hilang punca untuk mencari stok baharu bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Peniaga kedai runcit di FELDA Tekam Utara, Aizat Majid, 32, berkata beliau mendapat bekalan sebanyak 10 kotak yang mengandungi 170 peket minyak masak pada harga RM2.50 sepeket dan ia habis dijual dalam tempoh tiga hari saja.

"Sehingga ini, saya masih belum menerima bekalan baharu daripada pembekal dan penduduk di sini mula 'bising' kerana tiada minyak peket untuk dibeli," katanya.



*Harga beras di Kuching didapati naik sehingga RM1 sekilogram.*
(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

## Tingkat pengeluaran beras

Sementara itu, di **Setiu**, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim, berkata kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) akan tingkatkan pengeluaran beras sebanyak 100 tan sebulan, berganding hanya 60 tan sebulan sejak Julai lalu.

Beliau berkata, TADC akan berusaha dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk mendapatkan tambahan beras berikutan penanaman padi musim pertama berakhir Jun lalu.

"Pembelian beras tempatan daripada kilang BERNAS diperlukan bagi menampung permintaan beras di negeri ini. Musim pertama pengeluaran padi daripada petani tempatan berakhir Jun lalu dan pengeluaran musim kedua dijangka November ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | |

# Belian padi di kilang merosot 30 peratus dalam sedekad

**Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Jumlah belian padi di kilang menunjukkan kemerosotan sehingga 30 peratus dalam tempoh 10 tahun sekali gus menimbulkan persoalan mengenai masa depan keterjaminan makanan negara khususnya membabitkan makanan ruji rakyat Malaysia itu.

Malah, sejak kebelakangan ini juga beras tempatan di pasaran juga semakin berkurangan dengan beras import menguasai hampir sepenuhnya pasaran khususnya di pasar raya dan kedai-kedai runcit sekitar negeri ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzukhi berkata, 10 tahun lalu, jumlah belian padi di kilang mereka sekitar 10,000 tan metrik semusim.

Bagaimanapun ketika ini katanya, jumlah belian hanya sekitar 6,000 ke 7,000 tan metrik iaitu pengurangan sehingga 30 peratus.

Katanya, jumlah belian oleh pihak kilang juga bergantung di peringkat ladang jika tanaman bermasalah seperti penyakit dan sebagainya, ia bakal menjadi antara penyebab jumlah belian berkurangan meskipun bilangan pelanggan kekal.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Belian padi di kilang merosot 30 peratus dalam sedekad

Dari muka 1

"Memang berlaku pengurangan (belian padi) dengan jika 10 tahun lalu belian kami sekitar 10,000 tan metrik semusim namun kini menguncup kepada 6,000 ke 7,000 tan metrik sahaja," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), pegawai-pegawai tinggi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) serta pesawah Khamis ini bagi membincangkan isu bekalan beras tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, pihak pengilang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah diarah menghantar bekalan di mana-mana lokasi berlaku kekurangan beras.

Pada masa ini, Malaysia banyak bergantung kepada import makanan khususnya beras yang merupakan makanan ruji rakyat negara ini di sebalik hasil pula masih rendah iaitu sekitar 1.7 juta tan metrik beras setahun yang direkodkan pada tahun 2021.

Malaysia perlu bergantung kepada import beras sebanyak 35 peratus setahun dengan bekalan beras bagi menampung keperluan rakyat negara ini adalah sebanyak 2.4 juta tan metrik bagi tempoh itu.

Mengulas lanjut, Ezreen Muhaizi berkata, beliau juga tidak menolak kemungkinan berlaku tindakan memanipulasi bekalan beras putih tempatan dalam kalangan pemborong dengan menukarkan bungkusannya kepada kampit beras import.

> **"Penguatkuasaan lebih ketat perlu dilakukan di peringkat pemborong kerana khuatir berlakunya manipulasi bekalan beras putih tempatan..."**
>
> **EZREEN MUHAIZI**

Katanya, di peringkat kilang masih sama untuk pembekalan beras gred tempatan.

"Penguatkuasaan lebih ketat perlu dilakukan di peringkat pemborong kerana khuatir berlakunya manipulasi bekalan beras putih tempatan dengan menukarkan bungkusannya kepada kampit beras import.

"Seperti di Dibuk (kilang) kita cuma jual secara pukal kepada pemborong. Pemborong berkemungkinan akan balik untuk beras itu dikampitkan dalam bentuk 10 kilogram dan lima kilogram," katanya.

Mengulas mengenai kawasan tanaman padi yang makin mengecil, Ezreen Muhaizi berkata, kerajaan sebaik-sebaiknya menggazetkan kawasan-kawasan yang mengeluarkan hasil padi tinggi supaya tidak semudahnya ditukar syarat untuk pembangunan lain.

"Walaupun pembangunan ini mampu memberi pendapatan baharu kepada kerajaan negeri, tetapi daripada sudut keterjaminan makanan kita akan semakin berkurangan. Bahkan daripada segi kos pembangunan perumahan dan komersial sebenarnya lebih mahal jika dibuat di atas tanah sawah kerana perlu ditambun tanah baru. Maka ia akan meningkatkan kos rumah mampu milik untuk dibeli oleh rakyat," katanya.

"Jika dilihat daripada segi produktiviti, jelapang-jelapang padi di Malaysia mengeluarkan sekitar 5.4 tan metrik per hektar. Jauh lebih tinggi sebenarnya berbanding Thailand iaitu sekitar 3.8 tan metrik per hektar.

"Tetapi oleh kerana Thailand mempunyai tanah pertanian jauh lebih luas, maka pengeluaran padi mereka lebih banyak. Kerana itu pentingnya untuk tanah-tanah pertanian yang ada di Malaysia ini dikekalkan kerana usaha meningkatkan hasil padi akan menjadi semakin sukar jika lebih banyak tanah yang ada ditebus guna untuk tujuan lain," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 7 |



SEORANG pekerja sedang menyusun bekalan beras di kedai runcit di Kuala Nerus semalam.



BEKALAN beras import yang terdapat di sebuah kedai di Setia Alam, Shah Alam semalam.

Orang ramai resah bekalan beras tempatan semakin meruncing ketika ini

# Harga beras import naik lebih RM5

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

**PETALING JAYA** – Kenaikan harga beras import menggusarkan golongan peniaga dan pengguna, di samping bekalan beras tempatan pula semakin meruncing ketika ini.

Disebabkan bekalan beras tempatan kekurangan ketika ini telah menyebabkan harga beras import pula melonjak sehingga menggusarkan golongan berpendapatan rendah.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa kedai runcit dan pasar raya di daerah Kuala Terengganu, **Terengganu** semalam mendapati, harga beras import telah naik melebihi RM5 bagi paket 10 kilogram (kg) berbanding bulan lalu.

Seorang peniaga, Saiful Azri Mohamad, 38, mendakwa, harga beras import bagi paket 5kg pula mengalami kenaikan lebih RM3 iaitu RM17.70 berbanding RM14.40 sebelum ini bagi beberapa jenama beras.

Menurutnya, dia tidak menolak harga jualan beras import akan terus melonjak menjelang hujung minggu ini, sekali gus meletakkan peniaga dan pengguna dalam keadaan tertekan.

"Bukan sahaja golongan peniaga, bahkan pelanggan juga ramai mengeluh kerana sukar mencari beras tempatan di pasaran ketika ini.

"Harga beras import pula semakin tinggi, namun pembekal gagal memberi alasan kukuh mengenai punca masalah tersebut," katanya yang ditemui di Kampung Batu Enam, di sini semalam.

Di **Selangor** pula, pengguna tiada pilihan apabila terpaksa membeli beras tempatan meskipun harganya mencecah RM40 bagi beras seberat 10kg.

Keadaan itu seterusnya menyulitkan lagi pengguna terutama golongan B40 yang masih bergelut dengan kenaikan harga barangan keperluan harian.

Seorang pekerja pembersihan, Noraini Mahat, 49, berkata, harga beras tempatan dikatakan telah berlaku peningkatan sebanyak dua kali dalam tempoh enam bulan.

"Dahulu harga beras 10kg tempatan hanya RM26, namun meningkat kepada RM33 dan terus meningkat menjadi RM37 ketika ini.

"Memang terbeban walaupun hanya duduk tiga orang di dalam sebuah rumah.

"Sekarang ini harga beras lagi mahal daripada tong gas 14 kilogram yang bernilai antara RM26 hingga RM28 sahaja. Sudah tentu sebagai rakyat, kita mahu ada tindakan sebaiknya daripada pihak berkuasa untuk segera mengatasi masalah ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 7 |

# KPDN terima 47 aduan beras tempatan campur import

**KULIM** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima 47 aduan membabitkan isu beras menerusi Ops Jamin yang dijalankan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, aduan yang diterima melibatkan harga beras import serta dakwaan beras tempatan dicampur dengan beras import.

Katanya, Ops Jamin dijalankan dua kementerian itu untuk memantau serta menjalankan pemeriksaan berkaitan isu beras di seluruh negara bermula 7 Julai hingga 2 September lalu.

"Dalam tempoh operasi dijalankan, kita menjalankan sebanyak 1,053 pemeriksaan dan terdapat 47 aduan mengenai isu beras iaitu berkaitan harga beras import serta dakwaan beras tempatan dicampur dengan beras import," katanya.


FUZIAH (tengah) mendengar penerangan ketika lawatan ke sebuah kilang lampin di Kulim Industrial Estate. Kulim semalam.

Beliau sebelum itu hadir pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Inisiatif Payung Rahmah bersama SJ Circle Sdn. Bhd. di Kulim Industrial Estate, di sini semalam.

Fuziah berkata, harga beras tempatan masih kekal RM2.60 sekilogram, manakala harga beras import tidak dikawal dan mengikut harga pasaran.

Katanya, banyak aduan mengenai harga beras import, namun pihaknya tidak boleh mengambil tindakan kerana harganya tidak dikawal, melainkan ia adalah beras tempatan.

Berhubung dakwaan sesetengah pihak bahawa terdapat beras tempatan dicampur dengan beras import, kata Fuziah, tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya dakwaan itu dapat dibuktikan.

Menurutnya, terdapat dua akta melibatkan isu beras iaitu Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Akta Perihal Dagangan 2011 Akta 730 yang di bawah bidang kuasa KPDN.

Katanya, pihaknya tidak dapat mengambil tindakan jika aduan itu bukan di bawah bidang kuasa KPDN, namun akan bertindak menyalurkan maklumat kepada KPKM untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, kata beliau, SJ Circle Sdn. Bhd. merupakan syarikat keempat yang menjadi rakan strategik di bawah Inisiatif Payung Rahmah dengan mengeluarkan produk lampin bayi pakai buang jenama Midori.

Fuziah berkata, lampin bayi pakai buang itu dijual pada harga RM19.90 sahaja dan ia hanya dijual di Jualan Rahmah Bergerak dan Kedai Cari Rakyat.

"Kita berharap agar usaha ini mampu menarik perhatian rakyat Malaysia khususnya pengguna yang ingin mendapatkan harga barangan yang murah dan berpatutan serta berkualiti," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 21 |

Kenaikan harga beras import meningkatkan kos sara hidup rakyat

# Pecah monopoli Bernas


**Oleh DIANA AZIS**
SHAH ALAM


Amalan monopoli dalam sesetengah industri di negara ini perlu dipecahkan bagi membuka peluang kepada pemain industri terlibat bersaing untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan selain mampu memberi pilihan harga kepada pengguna.




**Laporan muka depan *Sinar Harian* pada Isnin**

Bagi industri padi dan beras, Penganalisis Ekonomi Universiti Kewangan Islam Global (INCEIF), Profesor Dr Baharom Abdul Hamid berpandangan, institusi kewangan Islam seperti lembaga zakat perlu diberi peluang menubuhkan konsortium sebagai usaha memecahkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagai agensi tunggal menguruskan industri berkenaan.

Menurut Baharom, kerjasama menerusi konsortium itu juga mampu meningkatkan kualiti padi yang bakal dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Mengambil contoh inisiatif dilakukan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam menguruskan projek membangunkan Smart Sawah berskala besar asnaf, Baharom mengakui usaha itu berjaya meningkatkan pengeluaran padi di negeri berkenaan.



**BAHAROM**



**IRWAN SHAH**

"LZNK beli bendang terbiar yang tidak diusahakan dan beri peluang kepada golongan asnaf untuk menguruskannya. Inisiatif ini perlu disokong, dijadikan sebagai satu model dan perkenalkan ke negeri lain seperti Selangor, Pahang dan Kelantan.

"Selain import, kilang padi juga adalah kartel yang mengawal harga belian daripada pesawah, jadi LZNK terpaksa jual padi pada harga ditentukan kilang yang kebanyakannya dikuasai bangsa asing.

"Oleh itu, kerajaan perlu memberi peluang kepada agensi berdaya maju (dan) sanggup mengambil cabaran seperti LZNK, seterusnya dikembangkan. Beri mereka peluang untuk import beras, buka kilang padi, kilang beras dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini media melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan bersama Bernas dan pesawah pada Khamis ini bagi membincangkan berkaitan bekalan beras tempatan negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia berikutan tindakan penyelarasan harga beras putih import oleh Bernas sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin berkata, cadangan memecah monopoli beras perlu diberi perhatian melibatkan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang seperti terkandung dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Belanjawan 2023.

Beliau berkata, pada ketika ini isu keterjaminan makanan dan kos sara hidup dihadapi rakyat memerlukan penglibatan semua pihak.

"Kenaikan harga beras import meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat termasuk B40, walaupun data inflasi negara sudah menampakkan penurunan.

"Penguncupan sektor pertanian direkodkan suku kedua tahun ini amat membimbangkan. Jadi, di bawah DAN2.0, sejauh mana kemajuan yang sudah dibuat ketika ini dari segi usaha memodenkan sektor pertanian," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 21 |






# Kartel dalangi kenaikan harga beras - PPBMM

**ALOR SETAR** - Memecahkan struktur monopoli Syarikat Padiberas Nasional Bhd (Bernas) sebagai pengimport dan pengedar tunggal beras negara tidak akan menyelesaikan masalah bekalan beras tempatan.

Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Mohamad Termizi Yop berkata, isu utama yang harus diteliti ialah tindakan pengilang besar didakwa membeli harga padi pada harga tinggi melebihi harga ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, ia dibimbangi didalangi kartel padi yang berhasrat memonopoli belian padi dengan menawarkan harga tinggi.



MOHAMAD TERMIZI

"Dalam seminggu dua ini, harga padi memuncak terlalu tinggi daripada paras harga sebenar RM1,200/tan kepada RM1,650/tan. Malah terdapat kilang besar tawarkan harga sehingga RM1,750/tan.

"Perbezaan ini agak tinggi berbanding musim sebelum ini iaitu sehingga RM450/tan hingga RM500/tan. Ia dipanggil komisen dibayar kilang besar berkapasiti puluhan ribu tan kepada orang tengah untuk mendapatkan bekalan padi," katanya, di sini, pada Isnin.

Menurutnya, untung atas angin itu tidak dinikmati pesawah yang tetap menerima bayaran pada harga sebenar iaitu RM1,200/tan menyebabkan golongan ini terus dihimpit kemiskinan.

"Ada pihak gesa supaya pecahkan monopoli Bernas, ia tidak beri kesan besar," katanya.

**PELARASAN HARGA BAHARU BERAS (JENAMA SABARICE)**

| JENIS | BERAT (KG) | GRED BERAS | HARGA LAMA | HARGA BAHARU |
|---|---|---|---|---|
| Super 5% | 10 | Beras putih | RM27.50 | RM36 |
| Super 5% | 5 | Beras putih | RM14.25 | RM18.75 |
| Super TWR 5% | 10 | Beras putih | RM27 | RM35.50 |
| Super TWT 5% | 5 | Beras putih | RM14 | RM18.50 |
| Super WWR 5% | 10 | Beras putih | RM26.50 | RM35 |
| Super WWR 5% | 5 | Beras putih | RM13.75 | RM18.25 |
| Wangi special (Anggur ungu) | 10 | Beras wangi | RM40.50 | RM43 |
